

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2015**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan penurunan harga minyak di pasaran dunia terhadap ekonomi dan belanjawan negara kita.

**JAWAPAN**

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka yang terdedah kepada persekitaran luar yang tidak menentu termasuk, melalui kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertumbuhan sederhana ekonomi global dan serantau. Perkembangan ini boleh memberi kesan kepada ekonomi

Malaysia. Namun demikian, kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang begitu ketara secara keseluruhannya, memandangkan struktur ekonomi negara kita kini lebih pelbagai dan meluas disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh. Pengiktirafan sesuatu krisis bagi sesebuah negara bukan hanya ditentukan oleh harga minyak sahaja, tetapi perlu dilihat dari sudut pertumbuhan ekonomi domestik, terutamanya aktiviti pelaburan, kadar pengangguran serta penggunaan swasta.

2. Sehubungan itu, dengan mengambil kira semakan semula harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong kepada USD55 setong serta langkah-langkah proaktif seperti yang diumumkan dalam perutusan khas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Januari yang lalu, KDNK negara diunjur berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Langkah-langkah proaktif tersebut bertujuan memastikan ekonomi negara terus berkembang dan seimbang dengan tumpuan diberikan kepada perbelanjaan pengguna, pelaburan dan eksport.

3. Berdasarkan kepada semakan semula harga minyak kepada USD55 setong hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Walau pun terdapat penjimatan daripada subsidi minyak hasil daripada pelaksanaan sistem pengapungan secara terkawal (*managed float*) bagi harga runcit RON95 dan Diesel, penjimatan ini masih tidak dapat menampung kekurangan hasil tersebut.

4. Justeru, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit fiskal 2015 sebagai peratusan KDNK daripada 3% kepada 3.2%. Sasaran ini adalah masih lebih rendah berbanding 3.5% yang dicapai pada 2014. Bagi mencapai sasaran defisit baru ini, Kerajaan telah dan akan melaksanakan *fiscal adjustment* melalui langkah-langkah peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan yang dijangka membawa kepada tambahan hasil sebanyak RM1.4 bilion dan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion.